BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Halaman sengaja dikosongkan.

Kandungan

MS 5	Sorotan Penting
MS 7	Persekitaran Ekonomi Antarabangsa
MS 11	Perkembangan Ekonomi Malaysia
MS 23	Perkembangan Monetari dan Kewangan
MS 27	Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia
MS 29	Tinjauan Makroekonomi
MS 31	Tambahan

Halaman sengaja dikosongkan.

Sorotan: S4 2020

Prestasi perdagangan kukuh dalam keadaan kegiatan ekonomi dalam negeri yang lebih perlahan

Permintaan luaran yang terus bertambah baik telah menyokong pertumbuhan



* Indeks Pengurus Pembelian (Purchasing Managers' Index, PMI)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, IHS Markit dan Tenaga Nasional Berhad

KDNK menurun, manakala inflasi keseluruhan menjadi sederhana sedikit pada S4 2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Halaman sengaja dikosongkan.

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

SOROTAN

- Ekonomi global terus pulih pada suku keempat 2020.
- Eksport serantau terus meningkat.
- Volatiliti pasaran kewangan kekal tinggi.

Pertumbuhan global terus pulih

Rajah 1: Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Ekonomi global terus pulih pada suku keempat 2020, disokong oleh aktiviti perdagangan yang meningkat dan keadaan permintaan dalam negeri yang bertambah baik. Peningkatan aktiviti pengeluaran secara keseluruhan telah menyebabkan keadaan pasaran pekerja bertambah baik secara meluas dan seterusnya meningkatkan perbelanjaan sektor swasta. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan ekonomi di kawasan euro telah menjadi perlahan akibat penularan semula wabak COVID-19 yang memerlukan langkah-langkah pembendungan diperketatkan semula.

Ekonomi AS menguncup pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 2.5% (S3 2020: -2.8%), didorong oleh pelaburan swasta yang kembali meningkat dan penggunaan swasta yang bertambah baik.

Sementara itu, pertumbuhan kawasan euro mencatatkan penguncupan yang lebih besar sebanyak 5.1% (S3 2020: -4.3%) akibat langkah-langkah pembendungan yang telah menjejaskan sektor perkhidmatan.

RR China mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 6.5% pada suku keempat 2020 (S3 2020: 4.9%), lantas mencapai pemulihan sepenuhnya ke paras pertumbuhan sebelum pandemik. Kawalan yang tegas terhadap epidemik telah meningkatkan sentimen dan memudahkan pemulihan secara menyeluruh merentas penggunaan, pelaburan dan eksport bersih. Hal ini disokong seterusnya oleh program pemvaksinan yang mula dilaksanakan.

Eksport serantau terus kukuh

Rajah 2: Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Susulan eksport yang kembali meningkat pada suku ketiga, rantau ini mendapat manfaat daripada eksport yang terus meningkat pada suku keempat 2020. Aktiviti domestik dan luaran yang kukuh di RR China memacu pemulihan rantaian nilai di rantau ini apabila semua ekonomi serantau utama mencatatkan peningkatan eksport, kecuali Singapura.

Volatiliti pasaran kewangan kekal tinggi

Rajah 3: VIX CBOE



Sumber: Bloomberg

Volatiliti pasaran kewangan kekal tinggi pada suku keempat 2020 (purata: 25.6; purata S3 2020: 25.9; purata S2 2020: 34.5). Keadaan pasaran tidak menentu terutamanya pada bulan November apabila berita positif berkaitan dengan pelaksanaan pemvaksinan COVID-19 pada bulan itu telah diiringi oleh penularan semula wabak COVID-19. Keadaan ini memerlukan langkah-langkah pembendungan kembali diperketatkan oleh kebanyakan ekonomi maju seperti AS, United Kingdom dan beberapa Negara Anggota kawasan euro.

Harga minyak mentah Brent meningkat kepada purata USD45 setong pada suku itu (purata S3 2020: USD43 setong), didorong terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap minyak dunia dan sentimen positif berhubung dengan pelaksanaan pemvaksinan COVID-19. Pengurangan pengeluaran oleh OPEC+ yang berterusan sejak bulan Mei 2020 turut memberikan sokongan selanjutnya kepada harga minyak mentah.

Halaman sengaja dikosongkan.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

SOROTAN

- Pertumbuhan dalam negeri menurun sebanyak 3.4%.
- Inflasi keseluruhan dan inflasi teras menjadi sederhana sedikit pada suku keempat.
- Lebihan akaun semasa lebih rendah sebanyak RM19.0 bilion atau 5.0% daripada KDNK.

Pertumbuhan menurun pada suku keempat 2020

Rajah 4: Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 3.4% pada suku keempat (S3 2020: -2.6%) terutamanya berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di beberapa negeri sejak pertengahan bulan Oktober. Sekatan pergerakan, terutamanya bagi perjalanan antara daerah dan antara negeri, menjejaskan kegiatan ekonomi. Namun begitu, permintaan luar negeri yang terus bertambah baik memberikan sokongan kepada pertumbuhan. Kesannya, semua sektor ekonomi terus mencatatkan pertumbuhan negatif kecuali sektor perkilangan. Dari segi perbelanjaan, aktiviti penggunaan swasta dan pelaburan awam yang sederhana menjejaskan permintaan dalam negeri. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi mencatatkan penurunan sebanyak 0.3% (S3 2020: +18.2%).

Pertumbuhan terus negatif dalam semua sektor ekonomi kecuali perkilangan

Rajah 5: Pertumbuhan Mengikut Sektor Ekonomi

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 6: Sumbangan Sektor Ekonomi kepada Pertumbuhan KDNK Benar

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi prestasi, kebanyakan sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan negatif pada suku keempat kecuali sektor perkilangan.

Sektor perkhidmatan mencatatkan penguncupan yang lebih besar sebanyak 4.9% pada suku keempat 2020 (S3 2020: -4.0%) apabila sekatan pergerakan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) perniagaan yang lebih ketat menjejaskan aktiviti berorientasikan dalam negeri. Sekatan ini (cth. waktu operasi yang lebih pendek) dan sentimen yang lemah menyebabkan perbelanjaan terjejas teruk terutamanya bagi aktiviti rekreasi dan barangan runcit bukan keperluan, lantas menjejaskan aktiviti dalam subsektor perdagangan borong dan runcit. Keadaan ini diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan segmen kenderaan bermotor yang berterusan. Selain itu, kelemahan dalam aktiviti pelancongan berikutan penutupan sempadan antarabangsa yang berterusan menjejaskan subsektor utama seperti makanan dan minuman, penginapan serta pengangkutan dan penyimpanan. Sementara itu, sektor kewangan dan insurans terus berkembang ekoran daripada pertumbuhan pinjaman dan deposit yang mampan. Pertumbuhan dalam subsektor maklumat dan komunikasi juga bertambah baik, berikutan permintaan yang lebih tinggi untuk perkhidmatan data komunikasi, terutamanya jalur lebar.

Sektor pertanian terus menguncup sebanyak 0.7% (S3 2020: -0.5%). Penguncupan ini disebabkan terutamanya oleh pengeluaran minyak sawit yang lemah apabila kekurangan tenaga pekerja terus menjejaskan aktiviti penuaian manakala keadaan cuaca yang semakin buruk menjelang akhir tahun mengakibatkan kekangan operasi pengeluaran. Pertumbuhan turut terjejas akibat kelemahan yang berterusan dalam subsektor getah, perikanan, perhutanan dan pembalakan yang sebahagiannya diseimbangkan oleh subsektor ternakan dan pertanian lain yang terus berkembang.

Sektor pembinaan mencatatkan penguncupan yang lebih besar (-13.9%; S3 2020: -12.4%). Kekurangan tenaga pekerja, penutupan tapak pembinaan akibat penularan wabak COVID-19 dan gangguan terhadap kemajuan pakej kerja tertentu telah mempengaruhi pertumbuhan, khususnya dalam subsektor kejuruteraan awam dan kediaman.Walau bagaimanapun, subsektor perdagangan khas terus mencatatkan pertumbuhan positif disokong oleh projek berskala kecil di bawah pakej rangsangan PRIHATIN.

Sektor perlombongan terus menguncup sebanyak 10.6% (S3 2020: -6.8%). Pengeluaran minyak mentah dan gas asli lebih rendah pada suku keempat disebabkan terutamanya oleh penutupan beberapa fasiliti untuk tujuan penyelenggaraan.

Sektor perkilangan berkembang sebanyak 3.0% (S3 2020: 3.3%), apabila pengeluaran E&E yang kukuh lebih daripada mengimbangi aktiviti dalam kelompok berkaitan

pengguna yang lebih rendah. Prestasi kukuh subsektor E&E disokong oleh permintaan global yang mampan terhadap komponen separa konduktor, lantas menyebabkan berlakunya kekurangan komponen separa konduktor pada peringkat global. Keadaan ini mengakibatkan pesanan tertunggak meningkat dalam kalangan pengeluar di Malaysia yang sangat bersepadu dalam rantaian nilai global. Pertumbuhan positif E&E diimbangi sebahagiannya oleh kelemahan dalam kelompok berkaitan pengguna. Khususnya, penapisan dan perkilangan produk berkaitan minyak sawit terjejas akibat gangguan dalam sektor pertanian berikutan kekurangan tenaga pekerja. Beberapa kelompok berkaitan pengguna seperti subsektor makanan dan minuman, tembakau dan tekstil terjejas akibat permintaan yang lebih lemah disebabkan oleh pelaksanaan semula PKPB.

Permintaan dalam negeri menurun

Rajah 7: Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri mencatatkan penurunan sebanyak 4.4% pada suku keempat tahun 2020 (S3 2020: -3.3%), disebabkan terutamanya oleh aktiviti penggunaan swasta dan pelaburan awam yang lembap. Eksport bersih berkembang sebanyak 12.4% (S3 2020: 21.9%), dengan perkembangan yang berterusan dalam eksport perkilangan.

Penggunaan swasta menguncup sebanyak 3.4% (S3 2020: -2.1%). Perbelanjaan isi rumah lembap berikutan keadaan pendapatan dan pekerjaan yang terus lemah pada suku keempat. Perbelanjaan turut terjejas akibat sekatan pergerakan yang lebih ketat di beberapa buah negeri. Walau bagaimanapun, perbelanjaan dalam talian yang semakin meningkat mengimbangi sebahagian daripada pengurangan perbelanjaan fizikal. Pada suku keempat, perbelanjaan pengguna juga terus disokong oleh pelbagai langkah rangsangan termasuk pengeluaran i-Lestari KWSP, bantuan yang berterusan kepada peminjam yang terjejas di bawah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Bersasar (*Targeted Repayment Assistance,* TRA) dan cukai jualan kereta penumpang yang lebih rendah.

Sementara itu, penggunaan awam terus berkembang meskipun pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 2.7% pada suku keempat 2020 (S3 2020: 6.9%), disokong oleh perbelanjaan untuk emolumen.

Aktiviti pelaburan menguncup

Rajah 8: Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) terus menguncup sebanyak 11.9% (S3 2020: -11.6%) berikutan perbelanjaan modal sektor swasta dan sektor awam yang secara relatif masih lemah. Dari segi jenis aset, pelaburan untuk struktur menguncup sebanyak 13.1% (S3 2020: -12.9%), manakala pelaburan untuk jentera dan kelengkapan (*machinery & equipment,* M&E) menurun sebanyak 9.0% pada suku keempat (S3 2020: -8.3%).

Pelaburan swasta mencatatkan penurunan yang lebih kecil sebanyak 7.0% (S3 2020: -9.3%), disokong terutamanya oleh perbelanjaan modal yang berterusan dalam projek yang sedia ada terutamanya dalam industri berorientasikan eksport.

Sementara itu, pelaburan awam mencatatkan penurunan yang lebih besar sebanyak 19.8% (S3 2020: -18.6%). Keadaan ini mencerminkan perbelanjaan aset tetap yang lebih rendah oleh kerajaan am dan permintaan yang lebih lemah dalam kebanyakan sektor yang terus menjejaskan perbelanjaan modal syarikat awam.

Inflasi keseluruhan sederhana sedikit pada suku keempat

Rajah 9: Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada inflasi keseluruhan (mata peratusan, mp)



*Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai penggunaan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun sedikit kepada -1.5% pada suku keempat (S3 2020: -1.4%). Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah masing-masing untuk sewa dan perkhidmatan komunikasi serta kemerosotan tahunan bagi harga runcit bahan api yang lebih besar. Keadaan ini diimbangi sebahagiannya oleh inflasi yang lebih tinggi dalam kategori lain, khususnya perkhidmatan pengangkutan dan makanan.

Inflasi yang lebih rendah untuk perkhidmatan komunikasi adalah berikutan luputnya kesan asas daripada caj panggilan telefon talian tetap yang lebih tinggi, yang diperkenalkan pada tahun 2019. Inflasi sewa yang lebih rendah mencerminkan permintaan terhadap perumahan yang lembap berikutan pendapatan kekal lemah serta pengaturan kerja yang baharu dan penutupan sempadan. Harga runcit bahan api menurun pada kadar tahunan sebanyak 19.2% pada suku keempat (-18.8% pada S3 2020) meskipun harganya secara relatif stabil pada asas suku tahunan. Berikutan inflasi yang lebih rendah untuk perkhidmatan komunikasi dan sewa, inflasi teras menjadi sederhana kepada 0.8% pada suku keempat (S3 2020: 1.0%).

Rajah 10: Perubahan Bulan ke Bulan dalam Harga Barangan IHP*



* Berdasarkan inflasi bulan ke bulan bagi 125 barangan IHP pada aras 4 digit.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Meskipun inflasi keseluruhan mengalami pertumbuhan negatif yang lebih tinggi sedikit, tekanan yang menyeluruh terhadap penurunan harga adalah terkawal pada suku ini, seperti yang dicerminkan oleh terhadnya bahagian barangan IHP yang mencatatkan penurunan harga (purata S4 2020: 19%; purata tahun 2010-2019: 21%).

Keadaan pasaran pekerja kekal lembap

Rajah 11: Kadar Pertumbuhan Guna Tenaga dan Upah



Nota: Kadar pertumbuhan gaji sektor swasta merujuk kadar pertumbuhan gaji pekerja dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 12: Tuntutan Hilang Pekerjaan dan Kadar Penempatan Pekerjaan



Nota: Tuntutan hilang pekerjaan merujuk bilangan penganggur yang memohon elaun dan faedah yang disediakan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Kadar penempatan pekerjaan merujuk kepada bilangan pekerja yang ditempatkan dalam pekerjaan baharu melalui SIP bagi setiap 100 pekerja yang hilang pekerjaan.

Sumber: Sistem Insurans Pekerjaan, Pertumbuhan Keselamatan Sosial

Keadaan pasaran pekerja kekal lembap berikutan pelaksanaan semula PKPB. Kadar pengangguran kekal tinggi pada 4.8% (S3 2020: 4.7%), mencerminkan terutamanya kemerosotan pertumbuhan guna tenaga yang lebih besar pada suku keempat (-0.6%; S3 2020: -0.4%). Data yang didapati daripada SOCSO melaporkan tuntutan pengangguran daripada Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) adalah lebih rendah (23,307 orang; S3 2020: 33,309 orang) dan kadar penempatan pekerja dalam pekerjaan baharu adalah lebih tinggi (43 orang bagi setiap 100 orang yang diberhentikan kerja; S3 2020: 22 orang)[1]. Hal ini mencerminkan keadaan pasaran pekerja yang meningkat terutamanya pada bulan Oktober, sebelum merosot pada bulan November dan Disember berikutan pelaksanaan semula sekatan pergerakan.

[1] Jumlah individu yang kehilangan pekerjaan diwakili oleh jumlah individu yang memohon bantuan daripada Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) berikutan pemberhentian kerja. Kadar penempatan pekerjaan pula merujuk jumlah individu yang ditempatkan dalam pekerjaan baharu di bawah program EIS bagi setiap 100 orang yang diberhentikan kerja. Oleh itu, kadar penempatan pekerjaan menunjukkan kadar pengambilan pekerja yang relatif dengan aktiviti pemberhentian pekerja.

Upah sektor swasta menurun pada suku keempat (-3.4%; S3 2020: -2.6%), disebabkan terutamanya oleh penguncupan yang lebih besar dalam kadar upah sektor perkhidmatan. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan, penginapan, serta makanan dan minuman, terus menjejaskan pertumbuhan kadar upah sektor perkhidmatan (-4.5%; S3 2020: -2.6%). Pertumbuhan upah dalam sektor perkilangan juga mencatatkan penguncupan, meskipun pada kadar yang lebih kecil sebanyak 1.2% (S3 2020: -2.7%) berikutan pertumbuhan yang lemah dalam industri perkilangan berorientasikan dalam negeri. Perkembangan ini menunjukkan majikan masih bersikap berhati-hati, walaupun prestasi IPI perkilangan baru-baru ini adalah positif. Hal ini disebabkan oleh ketidakpastian yang berterusan mengenai trajektori pemulihan.

Aktiviti perdagangan bertambah baik berikutan permintaan luaran dan aktiviti perkilangan dalam negeri yang lebih tinggi

Rajah 13: Eksport Kasar Mengikut Keluaran dan Pasaran



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada suku keempat tahun 2020, eksport kasar berkembang sebanyak 5.1% (S3 2020: 4.4%), dipacu terutamanya oleh eksport perkilangan yang terus kukuh. Import kasar mencatatkan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 4.5% (S3 2020: -6.3%), disebabkan terutamanya oleh kemerosotan import barangan pengantara yang lebih sederhana. Lebihan perdagangan[2] berjumlah RM59.9 bilion (S3 2020: RM60.3 bilion).

Eksport perkilangan terus berkembang (7.6%; S3 2020: 6.8%), disokong terutamanya oleh eksport barangan E&E (13.8%, S3 2020: 16.0%). Keadaan ini didorong oleh permintaan yang kukuh terhadap keluaran separa konduktor untuk peralatan kerja dari rumah dan peralatan perubatan. Eksport komoditi terus menguncup (-7.8%; S3 2020: -7.2%) disebabkan oleh jumlah eksport minyak mentah yang merosot secara mendadak.

Import barangan modal terus menguncup pada suku keempat (-15.0%; S3 2020: -12.8%) berikutan kemerosotan aktiviti pelaburan dalam negeri yang berterusan. Import barangan penggunaan juga merosot sebanyak 0.3% (S3 2020: 4.6%) disebabkan oleh perbelanjaan isi rumah yang lebih rendah dalam keadaan pasaran tenaga kerja yang terus lemah. Import barangan pengantara menguncup pada kadar yang lebih perlahan (-7.2%; S3 2020: -13.5%) disebabkan oleh import bekalan industri yang lebih tinggi, selaras dengan perkembangan aktiviti perkilangan dalam negeri yang berterusan.

[2] Lebihan barangan dan perdagangan berbeza kerana barangan untuk pemprosesan, penyimpanan dan pengedaran (tanpa perubahan hak milik) adalah dikecualikan daripada akaun barangan. Keterangan ini terdapat dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi ke-6 (*6th Edition of the Balance of Payments and International Investment Position Manual, BPM6*) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Lebihan akaun semasa lebih rendah

Rajah 14: Imbangan Akaun Semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun semasa dalam imbangan pembayaran mencatatkan lebihan sebanyak RM19.0 bilion atau 5.0% daripada KDNK pada suku keempat (S3 2020: RM26.1 bilion atau 7.1% daripada KDNK). Lebihan akaun semasa yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh defisit dalam akaun pendapatan sekunder dan defisit yang lebih besar dalam akaun perkhidmatan.

Lebihan barangan meningkat kepada RM42.9 bilion (S3 2020: RM41.5 bilion), disokong oleh eksport yang kukuh bagi barangan E&E, sarung tangan getah dan Kelengkapan Perlindungan Diri (Personal Protective Equipment, PPE). Akaun perkhidmatan mencatatkan defisit yang lebih besar (-RM14.2 bilion; S3 2020: -RM13.3 bilion). Keadaan ini disebabkan oleh pembayaran yang lebih tinggi untuk perkhidmatan pengangkutan serta pendapatan perjalanan yang terus lemah apabila sekatan perjalanan antarabangsa dikekalkan.

Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit yang lebih rendah sebanyak RM7.1 bilion (S3 2020: -RM9.2 bilion). Keadaan ini mencerminkan terutamanya pendapatan terakru kepada pelabur Malaysia yang melabur di luar negara yang lebih tinggi.

Akaun pendapatan sekunder mencatatkan defisit sebanyak RM2.5 bilion (S3 2020: +RM7.1 bilion) disebabkan oleh ketiadaan pindahan yang diterima pada suku tahunan sebelum ini sebagai sebahagian daripada penyelesaian yang berkaitan dengan anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan).

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil disokong oleh aliran masuk FDI dan aliran keluar yang lebih rendah dalam pelaburan portolio dan pelaburan lain

Rajah 15: Pelaburan Langsung mengikut Sektor



Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk bersih. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 16: Pelaburan Portfolio



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM10.8 bilion (S3 2020: -RM35.2 bilion), mencerminkan terutamanya aliran keluar yang lebih rendah dalam pelaburan portfolio dan pelaburan lain.

Akaun pelaburan langsung beralih arah untuk mencatatkan aliran masuk bersih yang kecil sebanyak RM0.8 bilion (S3 2020: -RM3.1 bilion), berikutan pelaburan langsung asing (*foreign direct investment,* FDI) yang mencatatkan aliran masuk bersih. Aliran masuk FDI bersih berjumlah RM6.1 bilion (S3 2020: -RM0.8 bilion), didorong terutamanya oleh suntikan ekuiti yang lebih tinggi ke Malaysia (+RM4.4 bilion; S3 2020: +RM3.8 bilion) serta aliran masuk daripada instrumen hutang (+RM3.5 bilion; S3 2020: -RM9.4 bilion). Aliran masuk ini disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Akaun pelaburan langsung luar negeri (*direct investment abroad*, DIA) mencatatkan aliran keluar yang lebih tinggi sebanyak RM5.4 bilion pada suku keempat (S3 2020: -RM2.2 bilion). Pelaburan luar negeri ini disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam subsektor perkhidmatan kewangan serta subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM6.9 bilion (S3 2020: -RM23.1 bilion), didorong oleh aliran masuk bersih pelaburan portfolio bukan pemastautin sebanyak RM12.8 bilion (S3 2020: -RM2.4 bilion) dalam keadaan pelaburan portfolio pemastautin luar negeri yang berterusan sebanyak RM19.7 bilion (S3 2020: -RM20.7 bilion). Pelaburan portfolio pemastautin luar negeri didorong oleh pemerolehan sekuriti ekuiti oleh pelabur institusi. Aliran masuk pelaburan portfolio bukan pemastautin bersih mencerminkan aliran masuk ke dalam sekuriti hutang (+RM14.1 bilion; S3 2020: +RM4.5 bilion), terutamanya bon Kerajaan. Aliran masuk ini lebih daripada mengimbangi penjualan sekuriti ekuiti dalam negeri yang berterusan, meskipun lebih kecil (-RM1.3 bilion; S3 2020: -RM6.9 bilion).

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM3.7 bilion (S3 2020: -RM8.5 bilion). Aliran keluar ini disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik peminjaman antara bank yang lebih rendah. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah -RM10.8 bilion pada suku keempat, atau -2.2% daripada jumlah perdagangan.

Hutang luar negeri kekal terurus

Rajah 17: Perubahan dalam Hutang Luar Negeri



[1] Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran

[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM958.5 bilion, atau 67.7% daripada KDNK pada akhir bulan Disember 2020 (akhir September 2020: RM953.3 bilion atau 66.5% daripada KDNK). Penambahan ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan pemegangan sekuriti hutang dalam negeri Kerajaan oleh bukan pemastautin serta terbitan bersih bon dan nota antarabangsa oleh sektor korporat. Hal ini sebahagiannya diimbangi oleh kesan penilaian kadar pertukaran susulan nilai ringgit yang semakin kukuh berbanding dengan mata wang asing utama dan serantau yang terpilih pada suku keempat tahun 2020.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus memandangkan profil mata wang dan tempoh matangnya yang sesuai. Hutang luar negeri dalam denominasi ringgit berjumlah RM325 bilion dan mencakupi 33.9% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir September 2020: 33.1%). Sebahagian besar daripadanya adalah dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin (bahagian sebanyak 67.7% daripada hutang luar negeri dalam denominasi ringgit) dan deposit dalam denominasi ringgit (bahagian sebanyak 17.7%) dalam institusi perbankan pemastautin. Liabiliti ini tidak terjejas akibat turun naik kadar pertukaran ringgit.

Hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing (*foreign currency,* FCY) mencakupi baki RM633.4 bilion, atau 66.1% daripada jumlah hutang luar negeri. Sebanyak 51.5% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY melibatkan sektor korporat dan tertakluk terutamanya pada keperluan berhemat dan lindung nilai. Sebanyak 27.1% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY terdiri daripada bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir terutamanya oleh syarikat bukan kewangan dan disalurkan terutamanya untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri. Pinjaman antara syarikat berkaitan, yang mencakupi 15.1% hutang luar negeri dalam denominasi FCY, lazimnya dikenakan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi.

Rajah 18: Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (RM bilion, % bahagian)



[1] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Peminjaman antara bank dan deposit dalam denominasi FCY dalam sistem perbankan domestik mencakupi 34.4% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY. Peminjaman antara bank yang berkurang pada suku keempat didorong terutamanya oleh peminjaman antara kumpulan yang matang secara berturut-turut oleh bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan. Hal ini diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan peminjaman antara bank oleh beberapa bank dalam negeri sebagai langkah awal untuk menambah penampan mudah tunai berikutan jangkaan bahawa keadaan mudah tunai dolar AS domestik semakin ketat menjelang akhir tahun. Walau bagaimanapun, tiga perempat daripada peminjaman antara bank adalah dalam bentuk peminjaman antara kumpulan yang pada amnya lebih stabil, seterusnya mengehadkan risiko pelanjutan yang dihadapi oleh bank. Sementara itu, risiko mata wang asing, yang diukur dari segi kedudukan terbuka bersih dedahan dalam denominasi FCY[3], kekal di bawah purata jangka panjangnya iaitu pada 5.3% daripada jumlah modal bank (akhir September 2020: 4.6%; purata 5-tahun: 5.7%).

Dari segi tempoh matang, bahagian yang lebih besar daripada jumlah hutang luar negeri cenderung kepada tempoh jangka sederhana hingga jangka panjang pada suku keempat (61.7%; akhir September 2020: 61.2%). Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi baki 38.3% daripada jumlah hutang luar negeri. Daripada jumlah ini, 42.3% merupakan peminjaman antara kumpulan, yang pada amnya stabil dan pada kadar konsesi. Kira-kira 13.6% lagi merupakan kredit perdagangan yang sebahagian besarnya bersandarkan perolehan eksport dan terbiaya sendiri. Pada 29 Januari 2021, rizab antarabangsa berjumlah USD108.6 bilion, yang memadai untuk membiayai 8.6 bulan import tertangguh, dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

[3] Merujuk jumlah agregat kedudukan mata wang asing bersih jangka pendek atau panjang bagi semua mata wang bagi seluruh industri perbankan.

Halaman sengaja dikosongkan.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

SOROTAN

- Ringgit bertambah kukuh dalam keadaan pasaran bon dan ekuiti yang bertambah baik.
- Kadar faedah kekal stabil pada suku keempat.
- Kredit terus berkembang bagi memenuhi keperluan pembiayaan dalam ekonomi.

Keadaan pasaran kewangan domestik bertambah baik berikutan kesanggupan pelabur mengambil risiko yang semakin meningkat

Rajah 19: Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding Dolar AS (1 Oktober - 31 Disember 2020)



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Reuters

Rajah 20: Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran kewangan domestik bertambah baik pada suku keempat tahun 2020, berikutan perkembangan global positif yang menyokong sentimen pelabur. Yang ketara, kesanggupan pelabur mengambil risiko bertambah baik pada suku itu berikutan perkembangan positif mengenai kelulusan dan pengagihan vaksin COVID-19 serta hala tuju dasar di AS yang lebih jelas susulan keputusan pilihan raya presiden di negara itu.

Hasilnya, pasaran kewangan domestik bertambah baik secara menyeluruh merentas seluruh pasaran aset, sejajar dengan trend serantau. Pada suku keempat tahun 2020, pasaran kewangan domestik mengalami aliran masuk portfolio bukan pemastautin yang berterusan. Hal ini telah mendorong kepada penambahan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS sebanyak 3.6% dalam keadaan penyusutan nilai dolar AS secara menyeluruh. Aliran masuk ini terutamanya

Rajah 21: Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau (1 Oktober - 31 Disember 2020)



Sumber: Bloomberg

disalurkan ke dalam pasaran bon domestik, yang menyumbang kepada penurunan kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing sebanyak 11.0, 13.4 dan 1.0 mata asas. Meskipun Fitch Ratings telah menurunkan penarafan berdaulat Malaysia kepada BBB+ pada bulan Disember 2020, kesan penurunan tersebut terhadap pasaran bon domestik adalah kecil.

Pasaran ekuiti domestik juga mencatatkan peningkatan pada suku itu. Yang jelas, prospek yang bertambah baik mengenai pengagihan vaksin COVID-19 di seluruh dunia pada tahun 2021 lebih daripada mengimbangi kebimbangan pasaran kewangan terhadap kesan daripada pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan bagi menangani peningkatan jangkitan COVID-19 di seluruh dunia. Keadaan ini telah mendorong kepada pemulihan harga pasaran ekuiti dalam sektor-sektor yang lebih teruk terjejas akibat pandemik ini, memandangkan pelabur telah mengambil kira jangkaan bahawa kegiatan ekonomi akan kembali normal. Pada akhir bulan Disember, FBM KLCI meningkat sebanyak 8.1% untuk ditutup pada 1,627.2 mata (akhir bulan September: 1,504.8 mata).

Kadar faedah kekal stabil pada suku keempat

Rajah 22: Kadar Faedah (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Kadar faedah nominal dalam pasaran borong dan runcit pada amnya stabil sepanjang suku keempat. Kadar tanda aras 3 bulan KLIBOR menurun sedikit pada suku keempat sebanyak 3 mata asas kepada 1.94% (S3 2020: 1.97%). Dalam pasaran runcit, kadar asas (*base rate*, BR) purata berwajaran tidak berubah pada 2.43% (S3 2020: 2.43%) manakala kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul menurun sedikit kepada 3.99% (S3 2020: 4.03%).

Kadar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) benar juga stabil pada suku keempat, berikutan inflasi keseluruhan yang stabil pada bulan Disember. Khususnya, kadar FD benar bagi tempoh matang 3 bulan dan 12 bulan pada amnya kekal tidak berubah masing-masing pada 3.00% (S3 2020: 3.00%) dan 3.20% (S3 2020: 3.20%).

Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan

Rajah 23: Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal mencukupi pada peringkat institusi dan keseluruhan sistem untuk memudahkan aktiviti pengantaraan kewangan. Tahap lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank meningkat sedikit sebanyak RM1.3 bilion, mencerminkan aliran masuk bersih pada suku keempat. Pada peringkat institusi, semua bank mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai dengan Bank pada akhir bulan Disember 2020.

Kredit terus berkembang untuk memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi

Rajah 24: Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih



* Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada suku keempat tahun 2020, pembiayaan bersih berkembang sebanyak 4.4% pada asas tahunan (S3 2020: 4.6%), disokong oleh pengembangan bon korporat[4] dan pinjaman[5] terkumpul yang berterusan. Pertumbuhan bon korporat terkumpul meningkat pada suku keempat (6.5%; S3 2020: 4.3%) disebabkan terutamanya oleh terbitan daripada entiti berkaitan Kerajaan dan institusi kewangan.

Jumlah pinjaman terkumpul mencatatkan pertumbuhan pada asas tahunan sebanyak 3.7% (S3 2020: 4.7%), dengan pinjaman perniagaan terkumpul mencatatkan pertumbuhan yang sederhana (0.9%, S3 2020: 2.9%) disebabkan oleh dua faktor: Pertama, terdapat kesan asas yang tinggi pada suku keempat 2019 disebabkan oleh satu pengeluaran pinjaman bernilai besar dalam sektor perkilangan[6]. Kedua, pertumbuhan pembayaran balik pinjaman perniagaan mengatasi pengeluaran pada suku tersebut. Dari segi tahap, pengeluaran dan pembayaran balik pinjaman meningkat terutamanya untuk tujuan modal kerja[7]. Permohonan dan kelulusan pinjaman perniagaan juga meningkat pada suku tersebut, terutamanya untuk pinjaman berkaitan pelaburan (permohonan pinjaman pelaburan: S4 2020: RM36.9 bilion; S3 2020: RM29.7 bilion, kelulusan pinjaman pelaburan: S4 2020: RM16.6 bilion; S3 2020: RM12.1 bilion).

Pinjaman terkumpul isi rumah mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 5.4% (S3 2020: 5.6%). Pengeluaran kekal kukuh pada suku tersebut (RM99.5 bilion; S3 2020: RM99.1 bilion), manakala pembayaran balik pinjaman kembali pulih ke tahap sebelum krisis merentas kebanyakan tujuan pinjaman (RM94.6 bilion, purata 2019: RM91.8 bilion). Permintaan terhadap pinjaman isi rumah terus menggalakkan, terutamanya untuk pembelian harta tanah kediaman dan kereta penumpang berikutan kadar faedah yang lebih rendah dan langkah-langkah rangsangan ekonomi.

[4] Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.
[5] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[6] Tanpa kesan asas, pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul ialah 1.6%.
[7] Klasifikasi pinjaman perniagaan berdasarkan tujuan hanya tersedia untuk sistem perbankan, yang merangkumi 92% daripada jumlah pinjaman terkumpul yang diberikan kepada sektor perniagaan.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN

- MPC mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 1.75% semasa mesyuarat MPC bulan Januari 2021 kerana MPC menyifatkan pendirian dasar monetari adalah wajar dan akomodatif.
- Bank melanjutkan fleksibiliti kepada institusi perbankan untuk menggunakan MGS dan MGII bagi memenuhi keperluan SRR sehingga 31 Disember 2022.

OPR kekal akomodatif

Pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee,* MPC) pada bulan November 2020 dan Januari 2021, Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate,* OPR) dikekalkan pada 1.75%.

MPC menilai bahawa ekonomi global terus mengalami pemulihan walaupun penularan semula kes COVID-19 dan langkah-langkah pembendungan yang dilaksanakan seterusnya telah menjejaskan aktiviti ekonomi di beberapa ekonomi utama. Pelaksanaan program pemvaksinan secara meluas yang dipercepatkan dan bersama-sama dengan sokongan dasar yang berterusan dijangka meningkatkan prospek pertumbuhan global. Prospek pertumbuhan akan terus bergantung pada risiko pertumbuhan ekonomi menjadi lebih rendah, terutamanya jika jangkitan COVID-19 menular semula dan inokulasi secara meluas ditangguhkan.

Bagi Malaysia, meskipun pertumbuhan jangka pendek pada tahun 2021 akan dipengaruhi oleh pelaksanaan semula langkah pembendungan yang lebih ketat, trajektori pertumbuhan negara diunjurkan bertambah baik mulai suku kedua dan seterusnya. Keadaan yang bertambah baik ini akan didorong oleh permintaan global yang kembali pulih, perbelanjaan sektor awam dan swasta yang meningkat semula berikutan sokongan yang berterusan daripada langkah-langkah dasar serta pengeluaran yang lebih tinggi daripada fasiliti perkilangan dan perlombongan yang sedia ada dan baharu. Pemberian vaksin pada bulan-bulan yang akan datang juga akan meningkatkan sentimen. Risiko terhadap prospek pertumbuhan menjadi rendah berpunca terutamanya daripada ketidakpastian yang berterusan mengenai pandemik dan cabaran yang mungkin dihadapi yang boleh menjejaskan pemberian vaksin di dalam dan di luar negara.

Purata inflasi keseluruhan pada tahun 2021 diunjurkan lebih tinggi. Hal ini disebabkan terutamanya oleh harga minyak dunia yang dijangka lebih tinggi. Inflasi asas diunjurkan kekal rendah dalam keadaan lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi. Walau bagaimanapun, prospek ini bergantung pada perkembangan harga minyak dunia dan komoditi.

MPC menyifatkan pendirian dasar monetari adalah wajar dan akomodatif. Pengurangan OPR sebanyak 125 mata asas secara kumulatif pada tahun 2020 akan terus merangsang ekonomi. Berikutan keadaan pandemik yang terus tidak menentu, pendirian dasar monetari pada masa hadapan akan terus ditentukan oleh data dan maklumat baharu serta kesannya kepada prospek keseluruhan inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. Bank Negara Malaysia terus komited untuk menggunakan alat-alat dasarnya yang bersesuaian bagi mewujudkan keadaan yang menyokong pemulihan ekonomi yang berterusan.

Bank melanjutkan fleksibiliti kepada institusi perbankan untuk menggunakan MGS dan MGII bagi memenuhi keperluan SRR

Pada 20 Januari 2021, Bank mengumumkan pelanjutan fleksibiliti bagi institusi perbankan menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities,* MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Investment Issues,* MGII) bagi memenuhi pematuhan Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement,* SRR) sehingga 31 Disember 2022. Fleksibiliti ini yang telah diumumkan pada 5 Mei 2020, akan tamat selepas 31 Mei 2021. Nisbah SRR kekal tidak berubah pada 2.00%.

Keputusan untuk melanjutkan fleksibiliti ini merupakan sebahagian daripada usaha Bank Negara Malaysia yang berterusan untuk memastikan mudah tunai adalah mencukupi bagi menyokong aktiviti pengantaraan kewangan. Sejak bulan Mac 2020, pengurangan nisbah SRR sebanyak 100 mata asas dan fleksibiliti untuk menggunakan MGS dan MGII sebagai sebahagian daripada pematuhan SRR telah menambah kira-kira RM46 bilion mudah tunai ke dalam sistem perbankan.

SRR merupakan instrumen untuk menguruskan mudah tunai dan bukan menandakan pendirian dasar monetari. OPR adalah satu-satunya penunjuk yang digunakan untuk memberikan isyarat mengenai pendirian dasar monetari dan diumumkan melalui Pernyataan Dasar Monetari yang dikeluarkan selepas mesyuarat MPC.

Tinjauan Makroekonomi

SOROTAN

- Pertumbuhan global dijangka bertambah baik pada tahun 2021, namun tertakluk pada risiko pertumbuhan yang lebih rendah.
- Ekonomi Malaysia dijangka kembali pulih pada tahun 2021.
- Kadar inflasi keseluruhan diunjurkan lebih tinggi pada tahun 2021, manakala inflasi teras akan kekal rendah.

Optimis tentang pertumbuhan tahun 2021 namun masih berhati-hati

Dalam *World Economic Outlook* bulan Januari, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menyemak semula unjuran pertumbuhan global bagi tahun 2020 kepada -3.5% (unjuran pada bulan Oktober: -4.4%). Semakan dengan unjuran yang lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih baik daripada jangkaan pada suku ketiga 2020 bagi ekonomi maju dan ekonomi yang sedang pesat membangun.

Bagi tahun 2021, IMF membuat unjuran bahawa ekonomi global akan berkembang sebanyak 5.5% (unjuran pada bulan Oktober: 5.2%). Prospek pertumbuhan ini disokong oleh "perlumbaan vaksin-virus", iaitu keadaan yang saling mempengaruhi antara inokulasi secara meluas yang sedang dilaksanakan terhadap COVID-19 yang berlawanan dengan penularan semula virus COVID-19. Vaksin ini dijangka membantu penyambungan semula kegiatan ekonomi. Namun, penularan semula COVID-19 boleh mengakibatkan langkah-langkah pembendungan dilaksanakan semula pada masa terdekat. Akibatnya, pandemik COVID-19 yang merebak semula dengan lebih cepat sebelum tercapainya kadar liputan imuniti penduduk yang diperlukan boleh menimbulkan risiko pertumbuhan ekonomi menjadi lebih rendah. Hal ini khususnya boleh berlaku jika terdapat kelewatan dalam pengeluaran dan pengagihan vaksin.

Ekonomi Malaysia dijangka kembali pulih dengan sokongan permintaan luaran yang lebih baik dan langkah-langkah Belanjawan 2021

Bagi Malaysia, momentum pemulihan ekonomi terjejas akibat penularan semula kes COVID-19 dan pelaksanaan langkah-langkah pembendungan bersasar di beberapa negeri pada suku keempat. Walaupun hanya terdapat kekangan yang minimum ke atas kapasiti pengeluaran, sekatan pergerakan yang dilaksanakan di beberapa negeri terpilih telah menjejaskan sebahagian permintaan dalam negeri pada suku tersebut.

Pada tahun 2021, meskipun pertumbuhan jangka pendek akan dipengaruhi oleh pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan yang lebih ketat, kesannya dijangka tidak seteruk seperti yang dialami pada tahun 2020. Trajektori pertumbuhan diunjurkan bertambah baik mulai suku kedua tahun 2021 dan seterusnya. Keadaan yang bertambah baik ini akan didorong oleh permintaan global yang kembali pulih, perbelanjaan sektor awam dan swasta yang

meningkat semula berikutan sokongan yang berterusan daripada langkah-langkah dasar termasuk PENJANA, KITA PRIHATIN, Belanjawan 2021 dan PERMAI, serta pengeluaran yang lebih tinggi daripada fasiliti perkilangan dan perlombongan yang sedia ada dan baharu. Pemberian vaksin mulai bulan Februari juga dijangka meningkatkan sentimen.

Imbangan risiko terhadap prospek pertumbuhan menjadi rendah masih wujud. Hal ini berpunca terutamanya daripada ketidakpastian yang berterusan mengenai pandemik dan cabaran yang akan dihadapi yang boleh menjejaskan pemberian vaksin di dalam dan luar negara.

Inflasi keseluruhan diunjurkan lebih tinggi pada tahun 2021, manakala inflasi teras akan kekal rendah

Sejajar dengan penilaian sebelum ini, purata inflasi keseluruhan adalah negatif pada -1.2% pada tahun 2020, disebabkan terutamanya oleh harga minyak dunia yang ketara lebih rendah. Bagi tahun 2021, purata inflasi keseluruhan diunjurkan meningkat, disebabkan terutamanya oleh harga minyak dunia yang lebih tinggi. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka kekal rendah dalam keadaan lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi. Walau bagaimanapun, prospek ini bergantung pada perkembangan harga minyak dunia dan komoditi.

Tambahan

Jadual 1

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2020 (%)	2019		2020				
		S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
		Pertumbuhan tahunan (%)						
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	93.9	4.8	4.3	3.7	-18.7	-3.3	-4.4	-5.7
Sektor swasta	75.2	7.4	6.2	4.7	-20.5	-3.6	-4.1	-6.0
Penggunaan	*59.5*	*8.1*	*7.6*	*6.7*	*-18.5*	*-2.1*	-3.4	*-4.3*
Pelaburan	*15.7*	*4.3*	*1.6*	*-2.3*	*-26.4*	*-9.3*	*-7.0*	*-11.9*
Sektor awam	18.7	-2.3	-2.8	-0.6	-10.6	-1.6	-5.4	-4.6
Penggunaan	*13.4*	*1.3*	*2.0*	*5.0*	*2.3*	*6.9*	*2.7*	*4.1*
Pelaburan	*5.2*	*-8.0*	*-10.8*	*-11.3*	*-38.7*	*-18.6*	*-19.8*	*-21.4*
Eksport Bersih	6.5	-12.4	9.7	-37.0	-38.6	21.9	*12.4*	-12.3
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*61.6*	*-3.4*	*-1.3*	*-7.1*	*-21.7*	*-4.7*	*-1.8*	*-8.8*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*55.1*	*-2.4*	*-2.5*	*-2.5*	*-19.7*	*-7.8*	*-3.3*	*-8.3*
KDNK Benar	**100.0**	**3.6**	**4.3**	**0.7**	**-17.1**	**-2.6**	**-3.4**	**-5.6**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**0.6**	**-**	**-2.0**	**-16.5**	**18.2**	**-0.3**	**-**

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2020 (%)	2019		2020				
		S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
		Pertumbuhan tahunan (%)						
Perkhidmatan	57.7	6.2	6.1	3.1	-16.2	-4.0	-4.9	-5.5
Perkilangan	23.0	3.0	3.8	1.5	-18.3	3.3	3.0	-2.6
Pertanian	7.4	-5.7	2.0	-8.7	1.0	-0.5	-0.7	-2.2
Perlombongan	6.8	-3.4	-2.0	-2.0	-20.0	-6.8	-10.6	-10.0
Pembinaan	4.0	1.0	0.1	-7.9	-44.5	-12.4	-13.9	-19.4
KDNK Benar	**100.0**	**3.6**	**4.3**	**0.7**	**-17.1**	**-2.6**	**-3.4**	**-5.6**

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3

Imbangan Pembayaran[1]

	2019		2020		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Akaun Semasa	**7.5**	**50.9**	**26.1**	**19.0**	**62.1**
(% daripada KDNK)	1.9	3.4	7.1	5.0	4.4
Barangan	32.3	123.3	41.5	42.9	139.1
Perkhidmatan	-4.0	-10.9	-13.3	-14.2	-48.0
Pendapatan primer	-15.2	-40.3	-9.2	-7.1	-26.2
Pendapatan sekunder	-5.5	-21.3	7.1	-2.5	-2.8
Akaun Kewangan	**-0.1**	**-33.8**	**-35.2**	**-10.8**	**-79.1**
Pelaburan langsung	4.4	5.6	-3.1	0.8	-0.2
Aset	-5.6	-31.9	-9.4	-4.7	-17.3
Liabiliti	10.0	37.5	6.3	5.4	17.1
Pelaburan portfolio	-1.3	-29.0	-23.1	-6.9	-49.1
Aset	-12.4	-41.7	-20.7	-19.7	-57.6
Liabiliti	11.0	12.6	-2.4	12.8	8.5
Derivatif kewangan	-0.6	-0.5	-0.5	-0.9	1.6
Pelaburan lain	-2.5	-9.9	-8.5	-3.7	-31.4
Kesilapan dan ketinggalan bersih[2]	-9.9	-9.0	7.7	-10.8	-2.0
Imbangan Keseluruhan	**-2.2**	**8.4**	**-1.6**	**-2.7**	**-19.4**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).
[2] Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada penilaian semula nilai rizab antarabangsa. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 4

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2019	2020	
	akhir Dis	akhir Sep	akhir Dis
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	**945.4**	**953.3**	**958.5**
Bersamaan USD bilion	*228.3*	*227.0*	*235.6*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota[1]	155.9	173.4	173.0
Peminjaman antara bank[1]	199.5	190.2	182.1
Pinjaman antara syarikat berkaitan[1]	126.9	130.6	128.6
Pinjaman[1]	78.4	77.6	76.6
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	201.0	206.4	220.1
Deposit bukan pemastautin	102.9	93.5	94.5
Lain-lain[2]	80.8	81.7	83.6
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	554.2	583.2	591.0
Jangka pendek	391.2	370.1	367.5
Denominasi mata wang			
Ringgit	310.4	315.4	325.0
Asing	635.1	638.0	633.4
Jumlah hutang / KDNK (%)	62.6	66.5	67.7
Hutang jangka pendek / Jumlah hutang (%)	41.4	38.8	38.3
Rizab / Hutang jangka pendek (kali)	1.1	1.2	1.2[3]

[1] Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.
[3] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 29 Januari 2021.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 5

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal

	2019		2020			2019		2020		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan dalam tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah pembiayaan bersih	**27.0**	**114.4**	**42.4**	**24.0**	**113.5**	**4.7**	**4.7**	**4.6**	**4.4**	**4.4**
Terkumpul:										
Pinjaman[1,2]	25.4	65.5	30.4	7.6	70.6	3.5	3.5	4.7	3.7	3.7
Perusahaan perniagaan	9.4	15.5	-3.7	-4.0	6.0	2.4	2.4	2.9	0.9	0.9
PKS[3]	-21.0	-41.8	12.5	1.0	26.7	-13.1	-13.1	1.6	9.6	9.6
Bukan PKS	30.4	57.3	-16.2	-5.0	-20.8	16.9	16.9	4.0	-5.2	-5.2
Isi rumah	15.9	50.5	33.9	14.4	60.3	4.7	4.7	5.6	5.4	5.4
Bon korporat terkumpul[4]	1.6	48.9	12.0	16.4	42.9	8.0	8.0	4.3	6.5	6.5

[1] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.
[3] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang telah dilakukan oleh institusi kewangan. Antara Januari 2018 hingga Disember 2019, jumlah bersih sebanyak RM60.4 bilion daripada pinjaman terkumpul PKS dikelaskan semula sebagai pinjaman terkumpul bukan PKS. Daripada jumlah tersebut, RM38.3 bilion telah dikelaskan semula pada suku keempat 2019.
[4] Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6

Penunjuk Pinjaman

	2019		2020			2019		2020		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah										
Permohonan pinjaman[1]	225.6	878.6	234.3	224.3	823.8	11.1	1.1	1.9	-0.5	-6.2
Kelulusan pinjaman[1]	103.3	410.3	98.0	102.0	353.5	-1.5	2.1	-7.9	-1.2	-13.8
Pengeluaran pinjaman[2]	334.8	1280.7	306.6	333.9	1220.6	-2.8	1.2	-3.5	-0.3	-4.7
Bayaran balik pinjaman[2]	324.0	1275.2	286.1	332.8	1194.0	-3.8	2.3	-9.1	2.7	-6.4
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan[3]										
Permohonan pinjaman	106.4	401.7	83.4	82.8	355.2	20.1	3.8	-21.7	-22.2	-11.6
Kelulusan pinjaman	49.7	191.8	38.3	42.4	164.0	-4.4	1.7	-21.2	-14.6	-14.5
Pengeluaran pinjaman	236.6	905.1	207.5	234.4	875.1	-5.9	-0.1	-7.4	-0.9	-3.3
Bayaran balik pinjaman	231.1	908.0	209.9	238.2	869.2	-6.9	1.3	-6.4	3.1	-4.3
PKS[4]										
Permohonan pinjaman	51.0	195.4	42.1	43.7	181.0	16.7	6.1	-18.8	-14.3	-7.4
Kelulusan pinjaman	17.9	67.4	15.0	17.8	61.9	9.2	2.0	-13.6	-0.6	-8.1
Pengeluaran pinjaman	71.0	295.8	63.7	73.3	256.8	-12.4	-4.0	-12.5	3.2	-13.2
Bayaran balik pinjaman	74.5	302.6	55.3	71.8	244.0	-6.3	-0.8	-26.1	-3.7	-19.3
Bukan PKS[3]										
Permohonan pinjaman	55.4	206.3	41.4	39.0	174.2	23.4	1.7	-24.4	-29.5	-15.6
Kelulusan pinjaman	31.8	124.4	23.3	24.6	102.0	-10.6	1.6	-25.4	-22.5	-18.0
Pengeluaran pinjaman	165.6	609.2	143.8	161.2	618.3	-2.8	1.8	-5.0	-2.7	1.5
Bayaran balik pinjaman	156.6	605.5	154.7	166.4	625.1	-7.1	2.3	3.5	6.3	3.3
Isi Rumah										
Permohonan pinjaman	119.2	476.9	150.9	141.6	468.6	4.2	-1.1	22.2	18.8	-1.7
Kelulusan pinjaman	53.6	218.5	59.7	59.6	189.6	1.3	2.4	3.3	11.2	-13.3
Pengeluaran pinjaman	98.2	375.7	99.1	99.5	345.5	5.7	4.6	5.9	1.3	-8.0
Bayaran balik pinjaman	92.9	367.2	76.1	94.6	324.9	4.9	5.1	-16.0	1.8	-11.5

[1] Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan sahaja.
[2] Pengeluaran dan bayaran balik pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Berkuat kuasa 1 April 2020, suatu moratorium telah dilaksanakan secara automatik untuk bayaran balik pinjaman / pembiayaan oleh peminjam isi rumah dan PKS untuk tempoh enam bulan.
[3] Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.
[4] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang telah dilakukan oleh institusi kewangan.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7

Penunjuk Keberuntungan Sektor Perbankan

	2019				2020			
	S1	**S2**	**S3**	**S4**	**S1**	**S2**	**S3**	**S4*a***
Pulangan atas ekuiti (%)	11.5	13.0	12.9	13.0	10.4	10.0	9.8	9.2
Pulangan atas aset (%)	1.3	1.5	1.5	1.5	1.2	1.2	1.1	1.1
	RM juta							
Pendapatan faedah bersih	12,438	12,009	12,701	13,113	12,696	10,060	13,516	13,899
Campur: Pendapatan berasaskan fi	2,548	2,619	2,670	3,233	2,583	2,308	2,851	3,153
Tolak: Kos Operasi[1]	8,385	8,421	8,626	9,146	8,607	8,189	8,460	8,765
Keuntungan operasi kasar	6,601	6,206	6,745	7,200	6,672	4,178	7,906	8,287
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	164	322	820	38	2,765	2,368	3,307	5,875
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	6,437	5,884	5,925	7,163	3,906	1,811	4,599	2,412
Campur: Pendapatan lain	2,548	5,506	4,302	3,694	4,643	6,242	3,602	3,941
Untung sebelum cukai	**8,985**	**11,390**	**10,227**	**10,856**	**8,550**	**8,052**	**8,201**	**6,353**
	Pertumbuhan tahunan (%)							
Pulangan atas ekuiti (mata peratusan)	-0.8	-0.3	0.2	0.3	-1.1	-3.0	-3.1	-3.8
Pulangan atas aset (mata peratusan)	-0.08	-0.01	0.04	0.06	-0.12	-0.32	-0.33	-0.41
Pendapatan faedah bersih	3.3	-2.3	1.7	2.6	2.1	-16.2	6.4	6.0
Campur: Pendapatan berasaskan fi	-2.2	4.0	7.9	29.4	1.3	-11.9	6.8	-2.5
Tolak: Kos Operasi[1]	3.5	6.3	10.3	9.8	2.7	-2.8	-1.9	-4.2
Keuntungan operasi kasar	0.8	-9.9	-5.5	3.5	1.1	-32.7	17.2	15.1
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	-75.9	-30.9	18.5	-94.9	1,584.8	634.9	303.3	15,482.9[3]
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	9.7	-8.3	-8.1	15.2	-39.3	-69.2	-22.4	-66.3
Campur: Pendapatan lain	-16.4	35.2	92.0	9.7	82.2	13.4	-16.3	6.7
Untung sebelum cukai	**0.8**	**8.6**	**17.7**	**13.3**	**-4.8**	**-29.3**	**-19.8**	**-14.5**

[1] Merujuk kos kakitangan dan overhed.

[2] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Malaysian Financial Reporting Standard 9 (MFRS 9).

[3] Mencerminkan i) peningkatan yang ketara dalam peruntukan berjaga-jaga *(precautionary provisions)* yang dipegang oleh bank-bank berikutan prospek ekonomi yang terus tidak menentu; dan ii) kesan asas daripada kos kredit pada suku keempat tahun 2019 yang nyata lebih rendah disebabkan oleh tulis balik *(writebacks)* dan pemulihan pinjaman *(recoveries)* yang lebih tinggi. Nisbah pinjaman terjejas bersih (pinjaman terjejas selepas ditolak peruntukan) secara amnya kekal tidak berubah berbanding dengan tahun sebelumnya pada 1.0%, manakala nisbah jumlah peruntukan kepada jumlah pinjaman meningkat kepada 1.7% pada bulan Disember 2020 (Disember 2019: 1.2%). Sila rujuk Buletin Perangkaaan Bulanan BNM untuk butiran lanjut.

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8

Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

	2019				2020			
	S1	S2	S3	S4	S1	S2	S3	S4[a]
	RM juta							
Insurans Hayat & Takaful Keluarga								
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	8,561	7,947	3,795	3,859	-11,617	16,360	8,022	8,764
Insurans Am & Takaful Am								
Keuntungan operasi	716	677	785	730	545	1,154	764	891
Nisbah tuntutan (%)	57	62	59	59	59	52	56	53
	Pertumbuhan tahunan (%)							
Insurans Hayat & Takaful Keluarga								
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	109.0	750.6	-50.1	481.9	-235.7	105.9	111.4	127.1
Insurans Am & Takaful Am								
Keuntungan operasi	27.5	-10.8	-35.0	53.2	-23.8	70.4	-2.7	22.1
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	-0.1	3.0	1.1	0.7	2.5	-9.5	-3.4	-5.6

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 9

Kewangan Kerajaan Persekutuan[1]

	2019		2020[a]		
	S4	Tahun	S3[2]	S4	Tahun
	RM bilion				
Hasil	69.9	264.4	46.4	76.9	225.1
Pertumbuhan Tahunan (%)	*4.0*	*13.5*	*-32.5*	*10.1*	*-14.9*
Perbelanjaan mengurus	69.8	263.3	56.3	54.9	224.6
Pertumbuhan Tahunan (%)	*20.1*	*14.0*	*-18.1*	*-21.4*	*-14.7*
Akaun semasa	**0.1**	**1.1**	**-9.9**	**22.0**	**0.5**
Perbelanjaan pembangunan bersih	19.6	52.6	12.1	20.2	50.1
Pertumbuhan Tahunan (%)	*-30.1*	*-4.9*	*26.6*	*3.0*	*-4.7*
Kumpulan Wang COVID-19[3]	-	-	5.5	9.3	38.0
Imbangan keseluruhan	**-19.5**	**-51.5**	**-27.6**	**-7.4**	**-87.6**
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	89.4	315.9	74.0	84.3	312.7
Pertumbuhan Tahunan (%)	*3.8*	*10.4*	*-5.6*	*-5.7*	*-1.0*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	793.0	793.0	874.3	879.6	879.6
Hutang Dalam Negeri	585.3	585.3	659.0	649.8	649.8
Hutang Luar Negeri	207.7	207.7	215.3	229.8	229.8
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*183.7*	*183.7*	*190.9*	*206.1*	*206.1*
Peminjaman luar pesisir	*24.0*	*24.0*	*24.4*	*23.7*	*23.7*

[a] Awalan

Nota:

1. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
2. Angka-angka ini telah disemak semula untuk mengasingkan peruntukan di bawah Kumpulan Wang COVID-19, yang sebelum ini dimasukkan di bawah perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan secara sementara.
3. Kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi dan rancangan pemulihan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia